

30 JUN 2001

Syed Hamid-Lawatan

SYED HAMID LAWAT MAGHRIBI DAN LIBYA

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan memulakan lawatan rasmi enam hari ke Maghribi dan Libya mulai esok.

Menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini, ini merupakan lawatan peringkat tertinggi yang pertama oleh seorang menteri Malaysia ke kedua-dua negara di utara Afrika itu.

Dalam lawatannya ke Maghribi dari 1 hingga 4 Julai, Syed Hamid dijadual mengadakan rundingan dengan Menteri Luar dan Kerjasama Maghribi Mohammed Benaissa.

Syed Hamid juga dijadual menandatangani Memorandum Perseffahaman mengenai kerjasama ekonomi, saintifik, pendidikan dan kebudayaan serta memeterai perjanjian mengelakkan cukai dua kali.

Beliau juga dijadual mengunjungi Perdana Menteri Maghribi Abderrahmane Youssofi untuk menyerahkan surat undangan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi melawat Malaysia.

Menurut kenyataan itu, Syed Hamid akan berlepas ke Libya pada 4 Julai dan beliau dijadual mengunjungi Presiden Libya Muammar Ghaddafi.

Syed Hamid juga dijangka mengunjungi Perdana Menteri Libya Mubarak Abdalla El Shamikh dan Menteri Luar Abdul Al-Rahman Shalgam.

Beliau juga akan menemui penuntut Malaysia dan keluarga mereka di Libya sebelum pulang pada 6 Julai.

Kenyataan itu menyatakan bahawa Kuala Lumpur dan Tripoli mempunyai hubungan "kukuh dan mesra" walaupun menghadapi kritikan kuat dan sekatan oleh Amerika Syarikat dan negara-negara sekutunya.

"Kedua-dua negara membantu antara satu sama lain dalam forum antarabangsa terutama dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut Libya juga ialah antara negara yang membiayai penubuhan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan telah memberi bantuan kewangan kepada UIA sejak itu.

Selain memperkukuhkan hubungan dua hala dan dengan kedua-dua negara Arab itu, "lawatan Syed Hamid dijangka meningkatkan hubungan ekonomi dan perdagangan ke tahap lebih tinggi dan membuka jalan bagi hubungan lebih akrab pada masa depan."

Menurut kenyataan itu, Maghribi boleh menjadi pintu masuk bagi barangan Malaysia untuk memasuki pasaran utara Afrika.

Lawatan itu juga memberi peluang kepada ahli perniagaan Malaysia untuk mempelbagaikan destinasi eksport mereka dan menerikai usahasama baru dan menguntungkan di kedua-dua negara.

-- BERNAMA

LYM RV FAZ